

03 AUG 1996

LEAD Elektrik

GANGGUAN BEKALAN ELEKTRIK MENYEBABKAN PELBAGAI URUSAN TERGENDALA

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Seluruh Semenanjung kini bergelap berikutan gangguan bekalan elektrik yang bermula kira-kira pukul 5 petang tadi.

Sehingga pukul 9 malam, Tenaga Nasional belum mengeluarkan kenyataan mengenai punca gangguan dan bila bekalan dijangka pulih.

Bagaimanapun, maklumat tidak rasmi menyebut bahawa gangguan bekalan berpunca daripada kerosakan di Stesen Janakuasa Paka di Kemaman, Terengganu.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie dan Pengerusi Eksekutif Tenaga Nasional Tan Sri Dr Ani Arope kini berada di bilik kawalan ibu pejabat Tenaga Nasional di Bangsar.

Ketika ditemui pemberita setiba di situ, Moggie berkata beliau belum mengetahui punca gangguan dan akan menemui pemberita kemudian.

"Tunggu biar saya siasat dahulu, lepas itu barulah saya beritahu anda," katanya kepada pemberita yang mengerumuninya untuk mengetahui punca gangguan.

Sementara itu, beberapa majlis dan acara yang dijadualkan berlangsung di sini dan bandar-bandar ditangguhkan akibat gangguan bekalan.

Di ibu negara, Jamuan Perdana sempena perayaan Jubli Emas MIC yang sepatutnya dihadiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ditangguhkan.

Di Stadium Merdeka pula, perlawanan akhir bola sepak Piala FA antara Sarawak dan Kedah ditangguhkan hingga malam esok.

Di Pulau Pinang, mesyuarat Pergerakan Wanita Gerakan di bangunan KOMTAR yang dijadual dirasmikan oleh Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon malam ini juga ditangguhkan.

Ketua Wanita Gerakan Datuk Kee Phaik Khin berkata beliau difahamkan "letupan" berlaku di Stesen Janakuasa di Paka.

Dalam pada itu, perkhidmatan KTM Komuter berhenti serta merta akibat gangguan itu dan koc keretapi elektriknya terpaksa ditarik menggunakan keretapi berkuasa diesel.

Jurucakap Hospital Kuala Lumpur berkata hospital itu menggunakan alat penjana kuasa persendirian. -- BERNAMA

MOK FAZ